



1999 Laporan Tahunan
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
Kementerian Pertanian Malaysia



RASIONAL KULIT BUKU

Rekabentuk kulit Laporan Tahunan FAMA 1999 secara metaforik menggambarkan pelbagai aktiviti pemasarannya di bahagian atas mukasurat. Yang mana, ia memberi tumpuan terhadap pemasaran produk-produk pertanian serta akuakultur sebagai aktiviti utama FAMA. Berlatar belakang permukaan hijau, identiti korporat FAMA digandingkan dengan sinaran cahaya, memberi kepastian akan penglibatan FAMA dengan alam semulajadi, melangkah maju di era milinium.



COVER RATIONALE

The cover design for FAMA's 1999 Annual Report metaphorically displays the varied activities of its marketing endeavour at the top of the page. Of which, it places emphasis on the distribution of agricultural and aquaculture products as its core activities. Displayed on a green background, the corporate identity is super-imposed with a bright light beaming-out, reaffirms the organisation's coherent involvement with nature while forging ahead within the millennium era.

K A N D U N G A N

Misi, Peranan dan Strategi	2
Lembaga Pengarah	4-5
Pengurusan Kanan	6
Alamat Pejabat-pejabat FAMA	7
Kalendar Peristiwa Sepanjang 1999	8-11
Perutusan Pengerusi	12-17
Tinjauan Operasi	
Pembangunan Pemasaran	18
Pemprosesan Pertanian	20
Pembangunan Rangkaian Pasaran	21
Pembangunan Saiz Pasaran	22
Program Pembangunan FAMA Yang Lain	23
Carta Organisasi	30
Penyata Kewangan	31-55

Misi

Misi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah untuk menjadi agensi pemasaran pertanian utama yang mampu bersaing, berdaya maju dan biayai diri dalam membangunkan dan memajukan pemasaran pertanian negara, berteraskan pengetahuan dan kemajuan teknologi terkini.


Peranan

FAMA telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 49, 1965 dan Akta Parlimen 141 (Pindaan) 1974. Peranan FAMA ialah untuk meningkatkan pembangunan pemasaran hasil pertanian segar dan barangan asas tani negara serta memaksimumkan pulangan kepada petani dan pengguna.

Strategi

Strategi FAMA bagi tahun 1999 adalah berasaskan kepada misi dan peranannya iaitu:

- a. Memperbaiki sistem rangkaian pengedaran supaya lebih cekap dan berkesan
- b. Meningkatkan persaingan dengan penglibatan FAMA dalam pengedaran
- c. Menyertai dalam pemprosesan produk berasaskan pertanian
- d. Memperbaiki pemasaran produk IKS (Industri Kecil dan Sederhana) bidang pertanian
- e. Memperluaskan saiz pasaran di dalam dan luar negara
- f. Memperbaiki maklumat pasaran dalam dan luar negara
- g. Menentukan kualiti hasil pertanian selaras dengan kehendak pasaran
- h. Mengembangkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)



Lembaga
Pengarah
&
Pengurusan
Kanan FAMA

Lembaga Pengarah



YB Dato' Hj. Badruddin Amiruldin
Pengerusi FAMA



En. Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor
Ketua Pengarah FAMA



En. Lim Heng Boon
Wakil Kementerian Pertanian



En. Abdul Kadir Abdul Hadi
Wakil Jabatan Pertanian



YB Tuan Hj. Abd. Hamid Abdul Rahman
Ahli Lembaga



YB En. Ismail Hasbollah
Ahli Lembaga



YB Dato' Hj. A. Rahim Rahmat
Ahli Lembaga



En. Subkey Abd. Wahab
Wakil Kementerian Perusahaan Utama



Cik Siaw Lean Sin
Wakil Kem. Perdagangan Antarabangsa
dan Industri (MITI)



Tuan Hj. Ismail Ibrahim
Wakil Jabatan Pertanian



En. Omar Kaseh
Wakil Kementerian Kewangan



Puan Chia Yoon Moi
Wakil Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

* *Tiada dalam gambar*
En. Akbar Khan Abdul Rahman
Ahli Lembaga

Pengurusan Kanan



[DUDUK]

(A) En. Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
Ketua Pengarah

[BERDIRI DARI KIRI KE KANAN]

- (B) Tuan Haji Sahbani bin Saimin
Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Korporat
- (C) Tuan Haji Haron bin A. Rahim
Pengarah Kanan,
Bahagian Pemasaran Barangan Segar
- (D) Puan Hajjah Khafiah binti Rose
Pengarah Kanan,
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
- (E) Tuan Haji Samah bin Hasan
Pengarah Kanan,
Bahagian Pemasaran Barangan Proses

Alamat Pejabat-pejabat FAMA

1. **Ibu Pejabat FAMA**
Bangunan FAMA Point,
Lot 17304, Jalan Periaran Satu,
Bandar Baru Selayang,
88100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
No Tel : 03-61389622
No Faks : 03-61383650/61385200
2. **Pejabat FAMA Negeri Perlis**
No. 22, 24 & 26, Tingkat Atas,
Jalan Simpang Tiga, Taman Sena Indah,
Periaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.
No Tel : 04-9765615/9761513
No Faks : 04-9760554
3. **Pejabat FAMA Negeri Kedah**
No. 101C, Kawasan Perusahaan Mergong,
Jalan Perak, 05150 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
No Tel : 04-7319344/7319103/7319190
No Faks : 04-7335154
4. **Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang**
No. 2442, Tingkat Perusahaan 1,
Kawasan Perusahaan Perai,
13600 Perai, Pulau Pinang.
No Tel : 04-3907886/7222/970/3992163
No Faks : 04-3908107
5. **Pejabat FAMA Negeri Perak**
No. 106B, Tingkat 2, Jalan Lahat,
30200 Ipoh,
Pemb. Darul Ridzuan.
No Tel : 05-2546322/2546684
No Faks : 05-2416545
6. **Pejabat FAMA Negeri Selangor**
No. 12-01 Tingkat 12, Plaza Masalam,
Jln. Tengku Ampuan Zabedah,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No Tel : 03-55118114
No Faks : 03-55118124
7. **Pejabat FAMA Negeri Sembilan**
Tingkat 5,
Bangunan Yayasan Negeri,
Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
No Tel : 06-7635797/7638959
No Faks : 06-7637466
8. **Pejabat FAMA Negeri Melaka**
No. 30, 32A & B,
Jalan Melaka Raya 20,
Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.
No Tel : 06-2837760/2840540
No Faks : 06-2848173
9. **Pejabat FAMA Negeri Johor**
Km 8, Jalan Tun Abdul Razak,
Susur 6 Peti Surat 25,
80700 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.
No Tel : 07-2341185/1186
No Faks : 07-2341182
10. **Pejabat FAMA Negeri Pahang**
Kilometer 9, Jalan Gambang,
25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
No Tel : 09-5366110/6113/6114/6115
No Faks : 09-5366109
11. **Pejabat FAMA Negeri Terengganu**
Tingkat U3, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail, 20200 K. Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
No Tel : 09-6224144/4191
No Faks : 09-6221606
12. **Pejabat FAMA Negeri Kelantan**
Kompleks Bilik Sejuk FAMA
Jalan Dato' Lundang, 15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.
No Tel : 09-7482431/557
No Faks : 09-7443030
13. **Pejabat FAMA Negeri Sabah**
Tingkat 12, Wisma Bandaraya,
Jalan Pahang,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.
No Tel : 088-225741/225742
No Faks : 088-223526
14. **Pej. FAMA Wilayah Persekutuan Labuan**
No. 28, Tingkat 1, Fasa Dua,
Legenda Commercial Center
Jalan Tun Mustapha, P.O. Box 81781
67008 Wilayah Persekutuan Labuan
No Tel : 087-413544
No Faks : 087-423100
15. **Pejabat FAMA Negeri Sarawak**
Lot 1003 - 1005, Seksyen 65
KTLJ Jln. Jawa, Kg. Pinang Jawa Matang,
P.O. Box 1929, 93738 Kuching,
Sarawak
No Tel : 082-422578/414744
No Faks : 082-244551
16. **Institut Latihan FAMA Port Dickson**
Lot 1655, Batu 12, Kg. Teluk Pelandok,
Jalan Pantai, Mukim Pasir Panjang,
71050 Port Dickson,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
No Tel : 06-6626212
No Faks : 06-6625606
17. **Anak Syarikat FAMA**
FAMA Corporation Sdn Bhd
No. 3, Jalan 2/8, Dataran Tempier
Bandar Baru Selayang, 88100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan.
No Tel : 03-61351301/2/4/6
No Faks : 03-61351310



Kalendar Peristiwa Sepanjang 1999



Tarikh	Peristiwa	Catatan
11 Januari	Majlis berbuka puasa FAMA	
14-18 Januari	Pasar tani khas sempena cuti perayaan	YB Menteri Pertanian
Januari-Februari	Promosi jualan hamper AgroMas & barangan IKS makanan	
28 Januari	Mesyuarat Lembaga FAMA ke152	
28 Januari	Majlis sambutan Hari Raya dan bersama media massa	
4 Februari	Sambutan Aidil Fitri kumpulan pemproses & pengedar bumiputera	Pengerusi/Hos FAMA
25-27 Februari	Seminar Keusahawanan peserta pasar tani, PPRT dan pemprosesan IKS makanan Sabah	YB Menteri Pertanian
4 Mac	Pesta Flora Negeri Sembilan	YAB Menteri Besar Negeri Sembilan
8 April	Perasmian pusat jualan borong FAMA & pelancaran van pengedaran FAMA	YB Menteri Pertanian
April	Pameran dan demonstrasi masakan sempena pelancaran Hari Kesihatan Sedunia peringkat Negeri Kedah	YAB Perdana Menteri
April	Perasmian Pusat Jualan Borong, Sungai Petani Kedah	YB Menteri Pertanian
April	Promosi jualan hamper AgroMas & barangan IKS makanan sempena pelancaran kedai masjid	YAB Menteri Besar Kedah
8 April	Majlis tanda tangan kontrak jualan FAMA/swasta	Exco Pertanian Perak
11-14 April	Pameran perdagangan AgroMas di Pulau Pinang	Exco Pertanian Pulau Pinang
15 April	Mesyuarat Lembaga FAMA ke154	

Kalendar Peristiwa Sepanjang 1999

Tarikh	Peristiwa	Catatan
April	Promosi jualan hamper AgroMas & barangan IKS makanan sempena Pesta Langkawi	Exco Pertanian Kedah
April	Mesyuarat kumpulan pemproses & pengedar Bumiputera	
April	Lawatan dan taklimat Ketua Pengarah ke Negeri Sembilan	
13 Mei	Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 155	Pengerusi FAMA
15 Mei	Perhimpunan bulanan FAMA & gotong royong	Ketua Pengarah
20 Mei	Promosi ringan air minuman Herba AgroMas & barangan IKS	Ketua Pengarah
	Majlis tanda tangan kontrak jualan FAMA/pengusaha IKS	
22 Mei	Perhimpunan Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil	Ketua Pengarah & Pegawai Kanan & warga kerja FAMA
24 Mei	'Employee Opinion Survey'	Ketua Pengarah
25 Mei	Pelancaran jualan hamper AgroMas dan IKS peringkat Negeri Perlis	Pengerusi FAMA
27 Mei	Perasmian pusat jualan borong, Sungai Petani Kedah	YB Menteri Pertanian
Mei	Pelancaran pertandingan sayur/ulam serta ikan air tawar peringkat Negeri Pulau Pinang	ADUN Telok Ayer Tawar
29 Mei	Pameran dan jualan barangan FAMA di Pesta Wau Antarabangsa	
27 Julai-2 Ogos	Rombongan Menteri Pertanian ke Pameran Perdagangan Antarabangsa di Kunming, China	YB Menteri Pertanian, Ketua Pengarah & Pegawai Kanan
1 Julai	Pembukaan pasar tani Simpang Empat, Perlis	Exco-Pertanian Perlis
3 Julai	Majlis pelancaran kempen makan ikan air tawar peringkat negeri Sabah, Kota Kinabalu	Menteri Pertanian Sabah
4-6 Julai	Pesta jualan buah-buahan & makanan sempena pesta flora, tapak pasar tani Kuala Lumpur	



Kalendar Peristiwa Sepanjang 1999



Tarikh	Peristiwa	Catatan
7-8 Julai	Kursus 5S, untuk pengarah-pengarah di Institut Latihan FAMA Port Dickson	Ketua Pengarah
10 Julai	Majlis pelancaran Kempen Makan Ikan Air Tawar peringkat sekolah-sekolah di negeri Melaka	Ketua Menteri Melaka
19 Julai	Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA kali ke 157, Johor Bahru dan taklimat Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia kepada FAMA	Pengerusi FAMA
24-27 Ogos	Seminar Association of Food Marketing Agencies of Asia and Pacific (AFMA) '99 & General Assembly AFMA 2000	YB Menteri Pertanian
26 Ogos-4 Sept.	Pameran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan	YAB Perdana Menteri
28 Ogos-5 Sept.	Pameran jualan sempena HPPN peringkat negeri Sarawak	Ketua Menteri Sarawak
27 Sept.	Majlis Pelancaran Komuniti E-Dagang FAMA oleh Ketua Setiausaha Negara Lawatan rasmi Ketua Setiausaha Negara ke Ibu Pejabat FAMA MoU komuniti E-Dagang FAMA MTEX	
2-7 Oktober	Rombongan Pengerusi FAMA ke Pameran Perdagangan Antarabangsa Di Kunming, China	Pengerusi FAMA & Pegawai Kanan
16-17 Oktober	Perasmian Hari Makanan Sedunia - 'Youth Against Hunger' dan Pertandingan Masak Ikan Air Tawar Peringkat Kebangsaan	YB Menteri Pertanian
21 Oktober	Pengerusi FAMA di Konvensyen, 'Pasar Tani menuju Alaf Baru' Majlis Y.A.B Perdana Menteri bersama Usahawan Pasar Tani Seluruh Malaysia, Di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 17, Mukim Sedaka, Yan, Kedah	YB Menteri Pertanian YAB Perdana Menteri

Kalendar Peristiwa Sepanjang 1999

Tarikh	Peristiwa	Catatan
28-31 Oktober	Ke Bawah DYMM Sultan Pahang dan DYMM Sultanah Pahang Berangkat Merasmikan Pesta Masakan Tradisional Pahang, di perkarangan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang	DYMM Sultan dan DYMM Sultanah Pahang
11 November	Majlis Perasmian Pusat Pemrosesan Makanan Rengit dan Penganugerahan MS ISO 9002 Kilang Rengit	YB Menteri Pertanian
13 November	Seminar Pegawai-Pegawai Pengembangan	Ketua Pengarah
18 November	Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA ke 157	Pengerusi FAMA
	Pesta Makanan sempena Pelancaran / Perisytiharan Tahun Melawat Selangor 2000 Pesta Flora, tapak Pasar Tani K. Lumpur	YAB Menteri Besar Selangor
19 November	Majlis menandatangani MoU, di antara JICA dan FAMA	FAMA
19- 26 November	Rombongan / Pameran Perdagangan Antarabangsa 'International Autumn Trade Fair' di Dubai, UAE	Ketua Pengarah
20 November	Majlis Menandatangani Perjanjian Pengeedaran di Sarawak	YB Menteri Pertanian



Perutusan Pengerusi

Dalam usaha menggalakkan promosi dalam dan luar negara, berbagai usaha telah dilakukan. Promosi ikan air tawar, daging burung puyuh, sayur-sayuran/ulam-ulaman, buah-buahan, roselle, AgroMas/IKS dan bunga-bunga telah diadakan di seluruh negara sama ada dibuat di hotel, restoran, pasaraya, pesta, pasar tani atau melalui pertandingan memasak peringkat sekolah.



Y.B. Dato' Hj. Badruddin Amiruddin
Pengerusi FAMA

Pada tahun 1999, FAMA telah menggiatkan usaha-usaha memperbaiki pemasaran hasil-hasil pertanian dan barangan asas tani. Untuk ini luang-luang pasaran melalui pasar tani runcit dan borong diwujudkan. Pada tahun 1999 sebanyak 66 buah lagi pasar tani runcit ditubuhkan menjadikan jumlah yang ada sehingga kini sebanyak 190 buah berbanding tahun 1998 sebanyak 184 buah. Jualan terus dari petani ini telah melibatkan lebih kurang 6,100 petani di seluruh negara. Nilai urusniaga dalam tahun 1999 ialah RM135 juta iaitu meningkat sebanyak 2.5% berbanding tahun 1998. Nilai jualan dijangka RM149.1 juta dalam tahun 2000. Peranan pasar tani borong adalah bagi menambahkan luang rangkaian pasaran borong kepada pengeluar yang telah mencapai tahap komersil untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Kejayaan ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh pasar tani borong di Selayang dan Puchong.

Peranan yang sama juga dapat diberikan melalui gerai-gerai yang ditubuhkan samada Segaria, Mudaria, FR Shoppe, Desaraya dan sebagainya. Sehingga tahun 1999 sebanyak 36 buah gerai pelbagai kategori telah dibina.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan sistem pemasaran, pengesahan gred bagi buah-buahan dan bunga-bunga untuk tujuan eksport telah dijalankan. Aktiviti ini dijalankan di Pusat Menggred di KLIA. Ini penting bagi memastikan kualiti hasil hortikultur mempunyai ciri-ciri yang dapat diterima oleh pengimport. Dengan adanya penggredan ini telah dapat membantu pengeluar dan pengeksport dalam proses penetapan letak harga yang lebih telus. Ini juga akan dapat menggalakkan persaingan pasaran yang lebih adil.

Selain daripada aktiviti penggredan, FAMA juga melaksanakan kawalan pasaran melalui penguatkuasaan peraturan, pelabelan dan pembungkusan. Dengan pelaksanaannya kadar kerosakan lepas tuai dapat dikurangkan.

Dalam maklumat pasaran, FAMA telah menjalankan kajian dalam pengumpulan maklumat harga, bekalan, import/eksport, kos, jeda pasaran dan penggunaan. Dengan adanya maklumat

Perutusan Pengerusi

Pada tahun 1999 pengedaran dapat dijalinan dengan sejumlah 154 outlet hypermarket dan supermarket, 2,699 outlet mini market dan kedai runcit dan 22 outlet pengedar dan pemborong (agen) seperti di Giant, TOPS, Carrefour, Jaya Jusco, Fajar, Mydin, Warta dan Ocean. Selain dari pasaran tempatan, produk-produk seperti sri kaya madu, sos cili padi, serbuk kari, serunding, kicap pedas dan tepung berempah telah dapat menembusi pasaran luar negara seperti Jepun dan Kanada.

harga peringkat ladang, borong dan runcit membolehkan petani menyedari tentang keadaan dan keperluan pasaran. Ianya juga dapat mengawal keadaan inflasi. Maklumat bekalan dan penggunaan pula adalah merupakan satu unsur penting dalam pemasaran hasil pertanian mudah rosak kerana dengan maklumat ini akan dijadikan

panduan dalam pembangunan pertanian dengan lebih berkesan. Sementara maklumat import/eksport membantu untuk mengesan pasaran yang berpotensi bagi barangan Malaysia amnya dan barangan FAMA khususnya. Maklumat kos dan jeda sayur-sayuran telah dikutip dari peringkat petani hingga kepada pengguna dan maklumat tersebut telah digunakan untuk memperbaiki sistem pemasaran dengan tujuan mengurangkan kos.

FAMA melalui aktiviti pembangunan perusahaan pertanian telah memainkan peranan penting dalam memasarkan produk IKS yang menggunakan jenama AgroMas atau tidak dan produk-produk FAMA sendiri. Pada tahun 1999 pengedaran dapat dijalinan dengan sejumlah 154 outlet hypermarket dan supermarket, 2,699 outlet mini market dan kedai runcit dan 22 outlet pengedar dan pemborong (agen) seperti di Giant, TOPS, Carrefour, Jaya Jusco, Fajar, Mydin, Warta dan Ocean. Selain dari pasaran tempatan, produk-produk seperti sri kaya madu, sos cili padi, serbuk kari, serunding, kicap pedas dan tepung berempah telah dapat menembusi pasaran luar negara seperti Jepun dan Kanada.



Nilai jualan pada tahun 1999 ini berjumlah RM12.5 juta dengan pecahan AgroMas (FAMA) RM2.9 juta, AgroMas (IKS) RM2.6 juta, IKS RM1.3 Juta, barang kawalan RM3.1 juta dan input IKS RM2.6 juta.

Dalam usaha menggalakkan promosi dalam dan luar negara, berbagai usaha telah dilakukan. Promosi ikan air tawar, daging burung puyuh, sayur-sayuran/ulam-ulaman, buah-buahan, roselle, agromas/IKS dan bunga-bunga telah diadakan di seluruh negara sama ada dibuat di hotel, restoran, pasaraya, pesta, pasar tani atau melalui pertandingan memasak peringkat sekolah.

Di samping itu publisiti melalui iklan juga dilaksanakan sama ada melalui TV, radio, *billboard* dan majalah. Usaha juga dibuat untuk menerbitkan dan menyebarkan maklumat seperti melalui resepi, poster dan bahan pameran.

Promosi luar negara pula turut memainkan peranan penting dalam pemasaran produk hortikultur dan IKS. Pada tahun 1999 beberapa pameran dan lawatan telah dilakukan seperti Trade Fair di Dubai; Ethnic Food, Birmingham; Aspat Fair, Korea; ANUGA Fair, Jerman; Fruit Logistica, Berlin dan Horticultural Exposition di Kunming, China.

◀ Buah-buahan tempatan segar lagi berkhasiat adalah antara produk utama pemasaran FAMA.



Perutusan Pengerusi

“Promosi luar negara pula turut memainkan peranan penting dalam pemasaran produk hortikultur dan IKS. Pada tahun 1999 beberapa pameran dan lawatan telah dilakukan seperti Trade Fair di Dubai; Ethnic Food, Birmingham; Aspat Fair, Korea; Anuga Fair, Jerman; Fruit Logistica, Berlin dan Horticultural Exposition di Kunming, China.”

Pembangunan Sumber Manusia

FAMA tidak ketinggalan melakukan aktiviti untuk membangunkan kumpulan sasar dan kakitangan. Pada tahun 1999 sebanyak 125 kursus daripada kumpulan motivasi dan pemasaran, buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan 4,389 orang.

Kursus ini melibatkan peserta-peserta dari petani dan peserta pasar tani. Dialog, bengkel, seminar dan lawatan juga turut diadakan bagi membantu kumpulan sasar ini membangunkan diri dan bidang kerja.

Latihan/kursus kepada kakitangan FAMA difokuskan kepada tiga iaitu latihan kepada peningkatan kemajuan kerja, latihan dan pembangunan diri dan latihan/kursus untuk pembangunan kerjaya.

Kewangan

Dalam tahun 1999, FAMA telah mendapat peruntukan pembangunan sejumlah RM17,789,000 dan telah dibelanjakan 100% untuk melaksanakan projek-projek FAMA yang telah dirancang.

Bagi peruntukan mengurus pula sebanyak RM34,260,000 telah diberi oleh Kerajaan. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM35,122,334 di mana sebanyak RM862,334 telah dibiayai dari sumber dalaman FAMA.



◀ Produk AgroMas FAMA
menjanjikan kepuasan sebenar.

Pemrosesan jem sri kaya madu
menggunakan teknologi moden terkini. ▶



Arah Masa Hadapan

FAMA akan terus melaksanakan program-program pembangunan bagi meningkatkan kecekapan sistem pemasaran hasil pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) 1998-2010. Program-program ini dilaksanakan secara seimbang dengan aktiviti-aktiviti urusniaga FAMA sebagai persediaan ke arah biaya diri di masa hadapan sebagaimana saranan kerajaan kepada semua badan-badan berkanun.

Penghargaan

Saya bagi pihak Lembaga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang membantu FAMA menjalankan peranannya terutamanya Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan, Pegawai serta Kakitangan FAMA, Kementerian Pertanian, Agensi-agensi Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sebagainya.

YB Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin

Tinjauan Operasi

Pembangunan Pemasaran

FAMA melaksanakan program pengedaran makanan melalui urusniaga yang bertujuan untuk membangunkan pemasaran barangan segar dan proses seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, susu, ikan air tawar, bunga-bunga dan kelapa. Aktiviti yang dijalankan oleh FAMA ialah melalui urusniaga barangan segar yang dibeli dari petani dan barangan proses dari pengusaha IKS untuk dipasarkan kepada pengguna secara borong, runcit dan membekalkan kepada pengilang.

Nilai urusniaga FAMA termasuk anak syarikatnya iaitu FAMA Corporation Sdn. Bhd. (FAMACO) tahun 1999 merosot kepada RM56.4 juta berbanding RM61.7 juta dalam tahun 1998. Namun urusniaga FAMA sahaja meningkat kepada RM36.3 juta pada tahun 1999 berbanding RM34.6 juta bagi tahun sebelumnya.

Sepanjang tahun 1999, urusniaga sayur-sayuran segar yang dikendalikan lebih tertumpu ke arah memperbaiki sistem pemasaran. Usaha adalah ke arah memperbaiki pembungkusan yang sesuai dan lebih praktikal untuk pasaran borong. Hantaran sayur-sayuran secara percubaan seperti kobis, halia dan cili dari Sabah ke Semenanjung telah dijalankan sebagai usaha untuk memperluaskan lagi pasaran di samping menilai kesesuaian, penghantaran dan penerimaan barangan di pasaran tempatan. Program ini disusuli dengan aktiviti mempertingkatkan kaedah pembungkusan sayur-sayuran untuk pemasaran komersial. Matlamat pertumbuhan sayur-sayuran pada kadar 5% dalam DPN3 memerlukan pelbagai pendekatan termasuk perbaikan dalam pembungkusan, perlabelan, penggredan dan sebagainya. Kaedah ini juga diharapkan akan dapat mengurangkan masalah pencemaran selaras dengan peraturan dan kehendak keselamatan makanan.

Cabaran utama FAMA di dalam menjalani urusniaga ini ialah bagi mendapatkan bekalan yang berterusan. Ini kerana FAMA tidak menguasai bekalan dari ladang-ladang. Masalah kualiti hasil-hasil pertanian yang tidak berterusan juga merupakan masalah yang telah sekian lama dihadapi oleh FAMA. Masalah ini menjadi lebih kritikal terutamanya terhadap buah-buahan untuk dieksport. Bagi mengurangkan masalah mendapatkan bekalan yang berterusan dan berkualiti, FAMA akan mula mengadakan perjanjian ladang kontrak dengan petani atau peladang swasta yang berminat. Perjanjian ini akan meliputi jaminan bahawa FAMA akan membeli hasil ladang tersebut di samping penanam pula berusaha untuk menghasilkan produk mengikut spesifikasi.

FAMA dalam usaha Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) serta menerokai pasaran telah mengeksport buah-buahan segar (belimbing, betik, limau tambun, rambutan, manggis, jambu batu) bernilai RM1.25 juta meningkat sebanyak 92.8% berbanding tahun 1998 (RM90 ribu) dan bunga-bunga (keratan, orkid, daunan) bernilai RM88,051 merosot sebanyak 15.8% berbanding tahun 1998 (RM102 ribu). Bagi buah-buahan, pasaran yang diterokai ialah Hong Kong, Eropah, Timur Tengah dan Kanada dengan komoditi dipasarkan adalah buah rambutan, belimbing dan manggis. Di samping penerokaan pasaran baru, percubaan menghantar buah-buahan seperti nangka, salak, jambu air dan ciku telah juga dibuat. Penerimaan pasaran terhadap buah-buahan ini masih lagi rendah kerana kurangnya pengetahuan pengguna terhadap komoditi tersebut. Bagi bunga-bunga pula, FAMA telah mengeksport keratan orkid segar ke pasaran London dan Kunming. Walaupun kemerosotan nilai matawang negara sepatutnya menjadikan harga buah-buahan dan bunga-bunga negara lebih bersaing di pasaran antarabangsa, namun peningkatan kos tambang, kos kotak dan kos perkhidmatan *forwarding* telah menjadikan kos pengeksportan meningkat. Selain bunga segar dan benih pokok, produk yang dijual termasuk pasu bunga dan kerja lanskap.



Ladang yang subur menjamin produk yang berkualiti di pasaran.



FAMA sedang menetapkan cara pembungkusan terbaik terutamanya untuk produk tempatan dan eksport.

Seminar Tahunan Kakitangan Khidmat Sokongan dan Mesyuarat Agung Kesatuan FAMA.



Ibu pejabat FAMA dan FAMA Negeri telah bersama-sama menangani krisis kelapa yang melanda Semenanjung Malaysia mulai akhir tahun 1998 hingga bulan April 1999. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh FAMA ialah mengimport kelapa daripada Indonesia dan Sarawak, dan mengedar kelapa daripada tempat yang berpengeluaran tinggi ke tempat berpengeluaran rendah. Misalnya dari kawasan Bagan Datoh ke Lembah Klang dan jualan terus kepada pengguna seperti di pasar-pasar tani dan pusat-pusat jualan FAMA di negeri-negeri.

FAMA juga terlibat dalam operasi pemasaran ayam di peringkat borong dan runcit ketika berlaku krisis kekurangan bekalan akibat wabak J.E. yang melanda negara pada awal tahun. Negeri-negeri yang aktif dalam aktiviti pemborongan ayam ialah FAMA Kedah, Perlis dan Wilayah Persekutuan.

PEMROSESAN PERTANIAN

● Perolehan Produk Dari Pengusaha IKS

Seramai dua belas orang pengusaha telah membekalkan produk mereka untuk dipasarkan melalui jenama AgroMas.

● Peningkatan Persembahan Produk IKS

Sembilan jenis produk IKS telah dipilih untuk dipasarkan dengan jenama AgroMas. Pembungkusan dan label produk-produk tersebut telah dipertingkatkan dan ianya lebih menarik, mudah, kemas dan menepati keperluan Akta dan Peraturan Makanan. Produk-produk yang terlibat adalah:-

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| 1. Rendang Tok | 7. Bihun Beras (P. Pinang) |
| 2. Kuah Pecal | 8. Tepung Beras |
| 3. Minuman Herba | 9. Air Mineral |
| 4. Dadih | 10. Kicap Pedas |
| 5. Tebaloi | 11. Sos Cili Padi |
| 6. Bihun Beras (Kelantan) | |

● Penyediaan Input Kepada Pengusaha IKS

Bagi membantu pengusaha-pengusaha yang masih lagi menghadapi masalah modal dan aliran tunai, bantuan dalam bentuk bahan-bahan input dan kredit disediakan. Di antara kemudahan yang disediakan ialah bahan-bahan pembungkusan dan label, bahan mentah dan kemudahan kredit.

● Khidmat Nasihat dan Bantuan IKS

Bantuan dan khidmat nasihat telah dilaksanakan oleh Pejabat-Pejabat FAMA Negeri bagi membangunkan produk-produk pengusaha. Perkhidmatan ini termasuklah analisis produk, khidmat nasihat persembahan produk (bungkusan dan label), pasaran dan produk. Sebanyak 250 syarikat telah menerima perkhidmatan ini.

- **Penyediaan Kemudahan Infrastruktur**

Program ini telah dilaksanakan di Pusat Pemasaran Pertanian Tanjong Karang, Selangor dan Depo Pusat FAMA Negeri Kelantan. Tiga pengusaha telah mendapat faedah dengan kemudahan ini.

- **Pembangunan Manusia**

Program ini termasuklah kursus dan latihan kepada usahawan dan kakitangan, seminar, lawatan sambil belajar dan penyertaan dalam ekspo dan pameran. Sebanyak sepuluh seminar IKS di peringkat negeri dan tiga Kursus Kejurujualan di peringkat nasional telah dibuat sepanjang tahun 1999 melibatkan 350 peserta.

- **Program Akreditasi Pembekal Produk IKS**

Program akreditasi bagi pembekal yang mengedarkan produk AgroMas telah juga dilaksanakan pada tahun ini. Seramai sembilan pengusaha telah dinilai dan tindakan mempertingkatkan kualiti produk, pengeluaran dan sumber manusia telah dibuat untuk dilaksanakan pada tahun 2000.

- **Pengedaran Produk IKS**

Pada tahun ini FAMA telah juga membantu 12 pengusaha-pengusaha IKS memasarkan produk mereka yang dilabelkan di bawah jenama AgroMas. Sepanjang tahun 1999, FAMA telah berjaya memasarkan barangan IKS bernilai RM877,242.77. Tiga negeri yang mempunyai nilai jualan tertinggi ialah Kelantan (RM179,908.48), diikuti oleh Pahang (RM164,532.01) dan Sarawak sebanyak (RM151,355.55).

PEMBANGUNAN RANGKAIAN PASARAN

Bagi meningkatkan pembangunan pemasaran, rangkaian yang mantap untuk memasarkan hasil keluaran petani adalah sangat perlu. Dengan itu FAMA telah mewujudkan rangkaian premis jualan seperti pasar tani dan pasar tani borong serta memperkukuhkan aktiviti perolehan di ladang melalui pusat pengumpulan ladang (PPL).

- **Pasar Tani**

Pasar Tani merupakan medan pertemuan antara pengeluar dan pengguna. Ia dimulakan pada tahun 1985. Kini ia terus berfungsi sebagai salah satu institusi pemasaran yang menyumbangkan kepada pembangunan pemasaran pertanian terutamanya yang melibatkan petani-petani kecil. Ianya juga memberi faedah kepada pengguna kerana jeda pasaran dapat dikurangkan melalui pengurangan lapisan pasaran (tanpa melalui perantara pasaran).



Pasar Tani FAMA tetap utuh sebagai salah satu rangkaian jualan terus produk pertanian kepada pengguna.

FAMA KLIA adalah pusat pemeriksaan kualiti hasil pertanian.



Pada tahun 1999 sebanyak 190 pasar tani telah beroperasi berbanding 1998 sebanyak 184 buah. Pertambahan ini adalah kesan dari kepercayaan orang ramai tentang keupayaan pasar tani FAMA dalam membendung inflasi dan menjamin bekalan barangan kepada pengguna terutamanya di musim perayaan. Jumlah peserta yang terlibat dari 6,100 orang telah meningkat kepada 462 orang berbanding dengan tahun 1998 seramai 5,638 orang. Nilai jualan yang dapat dipasarkan terus kepada pengguna di pasar tani adalah sebanyak RM135 juta dalam tahun 1999 iaitu meningkat sebanyak 2.5% berbanding 1998.

- **Pasar Tani Borong**

Matlamat utama pembangunan pasar tani borong adalah untuk mempertingkatkan keupayaan petani-petani menyertai bidang pemasaran hasil-hasil pertanian khususnya petani yang lebih berdaya maju yang memerlukan peluang untuk memasarkan hasil-hasil pertanian secara pukal dan berterusan.

1.1. Sehingga tahun 1999, FAMA mempunyai dua buah pasar tani borong yang beroperasi di Puchong dan Selayang, Selangor. FAMA juga telah mewujudkan dua pusat jualan borong di Kompleks Bilik Sejuk Sg. Petani dan Alor Setar, Kedah. Nilai jualan bagi Pasar Borong Selayang pada tahun 1999 adalah sebanyak RM28 juta iaitu merosot sebanyak 6.8% berbanding tahun 1998 sebanyak RM29.9 juta. Manakala nilai jualan bagi pusat jualan borong di Kompleks Bilik Sejuk Sg. Petani pada tahun 1999 adalah RM619,284.25 dan Alor Setar, Kedah pula sebanyak RM1,246,398.15.

- **Pusat Pengumpulan Ladang**

PPL adalah juga sebagai pusat pembangunan di peringkat ladang diwujudkan untuk menggalakkan petani melibatkan diri dalam pengeluaran hasil pertanian terutamanya sayur-sayuran secara komersil. Sehingga tahun 1999, terdapat 40 unit PPL telah diwujudkan di seluruh negara melibatkan 1,162 orang peserta, merosot sedikit berbanding tahun lalu. Ini disebabkan terdapat beberapa PPL yang tidak aktif telah ditutup berikutan dari kawasan pengeluaran yang berubah.

PEMBANGUNAN SAIZ PASARAN

Bagi memperluaskan saiz pasaran dalam dan luar negeri, FAMA melaksanakan program promosi yang bertujuan meningkatkan permintaan barangan yang digalakkan.

● Program Promosi Dalam Negeri

Bagi tahun 1999, tumpuan promosi FAMA terus diketengahkan kepada komoditi seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan barangan proses pertanian.

Sepanjang tahun 1999, FAMA telah menjalankan sebanyak 282 kempen barangan proses pertanian, 43 kempen sayur-sayuran dan ulam-ulaman, 33 kempen buah-buahan dan ikan air tawar sebanyak 76 kempen di peringkat negeri dan daerah.

● Program Promosi Luar Negeri

FAMA telah mengambil bahagian dalam enam pameran antarabangsa iaitu :-

- i. Di Kunming, China dari 1 Mei hingga 31 Oktober 1999
Produk yang dipamerkan termasuk bunga-bunga, pokok hiasan, perkhidmatan lanskap, buah-buahan, produk proses seperti jus roselle, lada hitam, dan jem buah-buahan. Tempoh pameran ini telah dilanjutkan oleh penganjur sehingga April 2000. Selain daripada FAMA, sebanyak enam syarikat swasta dan dua agensi kerajaan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Jemaah Pemasaran Lada Hitam telah mengambil bahagian.
- ii. Pameran Makanan *ethnic*, Birmingham, United Kingdom dari 13 hingga 15 Jun 1999.
Pameran ini bertujuan memberi peluang perniagaan bagi makanan *ethnic* yang sedang berkembang pesat di Eropah. Produk yang dipamerkan adalah berjenis-jenis serbuk kari, tepung berempah, jem buah-buahan, sos pedas, produk lada hitam dan minuman air herba.
- iii. Lawatan Perdagangan ke Germany, Belanda dan United Kingdom dari 5 hingga 18 Jun 1999.
- iv. Pameran ANUGA World Food Fair, Cologne, Germany dari 9 hingga 14 Oktober 1999.
- v. Pameran ASPAT 1999 Seoul, Korea Selatan dari 13 hingga 17 Oktober 1999.
- vi. Pameran International Autumn Trade Fair, Dubai, UAE dari 21 hingga 25 November 1999.

FAMA juga telah mengadakan dua lawatan perdagangan ke luar negara.

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN FAMA YANG LAIN


Program-program pembangunan FAMA yang lain adalah seperti Maklumat Pasaran, Pembangunan Kualiti Pasaran, Kawalan Pasaran dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

MAKLUMAT PASARAN

Program maklumat pasaran telah dilaksanakan secara berterusan pada tahun 1999 dan telah mengutip jenis maklumat seperti harga, bekalan, import/eksport, kos, jeda pasaran dan penggunaan.

Maklumat harga di peringkat ladang, borong dan runcit telah membolehkan petani-petani menyedari tentang keadaan pasaran. Maklumat harga juga telah membantu kerajaan dalam usahanya mengawal inflasi.

Maklumat bekalan dan penggunaan merupakan satu unsur penting dalam pemasaran hasil pertanian mudah rosak kerana ia dapat membantu dalam pembangunan pertanian yang lebih berkesan.



Kumpulan sasaran ialah yang berpendapatan kurang dari RM350 sebulan seperti dalam Daftar Pembangunan Keluarga Miskin 1993. Matlamatnya ialah untuk mengurangkan kadar penduduk termiskin pada kadar 0.2% menjelang tahun 2000.

Kaedah pelaksanaan projek yang digunakan ialah projek kelompok dan bercorak komersil. FAMA bertindak sebagai perunding dari segi pengurusan, kawalan kewangan dan pemasaran. Manakala jenis projek pula tidak lagi terhad kepada pemasaran tetapi meliputi projek pengeluaran pertanian, perikanan, ternakan dan pemprosesan. Matlamat projek adalah untuk meningkatkan pendapatan peserta secara langsung atau tidak langsung melalui penglibatan peserta sebagai pekerja projek dan pemegang saham.

Sebahagian dari pendapatan projek berkenaan telah dan akan dimasukkan dalam tabung khas KWPPRT. Tujuannya ialah bagi menjamin projek berkenaan mempunyai modal pusingan untuk operasi berikutnya, seterusnya menjamin kesinambungan projek dan pendapatan peserta yang berterusan secara stabil.

Walaupun bagaimanapun bagi kes-kes tertentu masih terdapat projek-projek yang dijalankan secara individu dan secara kecil-kecilan. Kebanyakan projek berkenaan merupakan projek bantuan peralatan/kemudahan kepada peserta terdahulu (RMK6) terutamanya bagi meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran mereka yang sedia ada.

Untuk meningkatkan keberkesanan projek-projek yang dijalankan, peserta telah diberi kursus, latihan dan lawatan yang berkaitan dengan projek. Kursus motivasi pemasaran juga merupakan bentuk latihan yang diberi penekanan pada tahun 1999.

Projek-projek PPRT yang dijalankan semenjak RMK6 dan RMK7 bertujuan untuk mewujudkan peluang untuk menambah atau meningkatkan pendapatan peserta sekurang-kurangnya melebihi paras termiskin. Ia juga untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta sebagai pengeluar atau usahawan tani.

PENGURUSAN

Pengurusan merupakan program khidmat sokongan yang penting dalam merealisasikan program-program pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Dalam pertengahan tahun 1999, FAMA telah mengubahsuai carta organisasi yang terdiri daripada empat bahagian utama iaitu Bahagian Pemasaran Barangan Segar, Bahagian Pemasaran Barangan Proses, Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Bahagian Pengurusan Dan Kewangan.

● **Perjawatan**

Jumlah kakitangan FAMA sehingga 31 Disember 1999 adalah seramai 1,469 orang. Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

Jadual 1
BILANGAN KAKITANGAN FAMA 1999 MENGIKUT KATEGORI

Kategori	Bil. Jawatan	Bil. Diisi	Bil. Kekosongan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred Utama C)	1	1	-
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	100	93	7
Kumpulan Sokongan	1,601	1,375	226
JUMLAH	1,702	1,469	233

● **Latihan**

Program Pembangunan Sumber Manusia amat dititikberatkan ke arah persediaan semua pegawai dan kakitangan FAMA menghadapi cabaran semasa. Ini penting bagi melaksanakan tugas di samping menambah ilmu pengetahuan dan kepakaran bersesuaian dengan kehendak semasa.

Bagi tahun 1999, FAMA telah menumpukan kepada tiga jenis kursus dan latihan utama iaitu peningkatan kemajuan kerja, pembangunan diri dan seminar serta bengkel. Sebanyak 35 kursus telah dijalankan di Institut Latihan FAMA, Port Dickson yang melibatkan seramai 1,768 pegawai dan kakitangan FAMA.

Seminar Association of Food Marketing Agencies (AFMA) sedang berlangsung di ILF Port Dickson.





← Penutup Seminar Association of Food Marketing Agencies (AFMA).

Kursus berkaitan sering diadakan melibatkan semua kakitangan untuk meningkatkan mutu kerja. →



Jadual 2

BILANGAN KAKITANGAN FAMA 1999 YANG TELAH MENJALANI KURSUS

Kategori	Bilangan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred Utama C)	1
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	268
Kumpulan Sokongan 1	273
Kumpulan Sokongan 11	619
JUMLAH	1,161

- **TQM**

Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA 1999 akan diadakan pada tahun 2000 bagi memberi pengiktirafan terhadap kakitangan FAMA yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

Pusat *grooming* kakitangan FAMA juga dibuka untuk orang ramai. →





ILF sebagai 'Universiti FAMA'.

- **Institut Latihan FAMA (ILF)**


ILF telah beroperasi sejak Januari 1995. Pada masa ini ILF menyediakan kemudahan bagi menjalankan kursus sama ada oleh FAMA sendiri atau jabatan/agensi lain dan pihak swasta. Sebanyak 48 kursus telah diadakan di ILF oleh agensi/jabatan/syarikat pada tahun 1999.

- **Kewangan**

Dalam tahun 1999, FAMA telah mendapat peruntukan pembangunan sejumlah RM17,789,000 dan telah dibelanjakan 100% untuk melaksanakan projek-projek FAMA yang telah dirancang.

Bagi peruntukan mengurus pula sebanyak RM34,260,000 telah diberi oleh Kerajaan. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM35,122,334 di mana sebanyak RM862,334 telah dibiayai dari sumber dalaman FAMA.

Carta Organisasi 1999



K A N D U N G A N

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999	32
Penyata Oleh Pengarah-pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Kementerian Pertanian Malaysia	33
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Kementerian Pertanian Malaysia	34
Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 1999	35
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 1999	36
Penyata Aliran Tunai Disatukan Pada Tahun Berakhir 31 Disember 1999	37
Akaun Mengurus Kunci Kira-kira Pada Tahun Berakhir 31 Disember 1999	38
Akaun Mengurus Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 1999	39
Akaun Pembangunan Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 1999	40
Akaun Pembangunan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 1999	41
Akaun Perniagaan FAMA Kunci Kira-kira Disatukan Pada 31 Disember 1999	42
Akaun Perniagaan FAMA Penyata Untung Dan Rugi Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 1999	43-44
Nota-nota Kepada Akaun	45-55

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 1999

Kunci Kira-kira Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan seperti pada 31 Disember 1999, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta penyata aliran tunai bagi tahun tersebut telah diperiksa oleh Tetuan Sahir & Go., Akauntan Awam, di bawah arahan saya. Pihak pengurusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa Piawaian-piawaian tersebut mengkehendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.
